

PENGURUSAN SEKOLAH SELAMAT : SATU TINJAUAN KE ATAS SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH DAERAH HILIR PERAK

Mohd Amin Dawam
Khuan Wai Bing
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Abstrak

Keselamatan sekolah amat perlu diberi penekanan khususnya dalam pembinaan sekolah yang memiliki persekitaran yang kondusif untuk pengajaran dan pembelajaran berkualiti. Atas kesedaran ini, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti aspek-aspek pengurusan sekolah selamat yang dilaksanakan di beberapa buah sekolah rendah di daerah Hilir Perak. Kaedah tinjauan telah digunakan untuk mendapatkan maklum balas daripada Penolong Kanan HEM dan lain-lain pentadbir, guru disiplin serta murid-murid Tahun Enam daripada tiga puluh buah sekolah rendah di sekitar Daerah Hilir Perak. Instrumen kajian yang digunakan ialah satu set soal selidik yang terdiri daripada dua bahagian. Bahagian A merupakan maklumat demografi atau latar belakang responden. Bahagian B merupakan set soal selidik yang mengandungi item-item dalam empat dimensi pengurusan sekolah selamat di sekolah rendah. Dimensi-dimensi tersebut ialah peranan guru besar dalam memastikan keselamatan diri dan harta benda warganya, peranan sekolah dalam memastikan persekitaran sekolah yang selamat dan kondusif, penglibatan ibu bapa dan komuniti serta halangan atau masalah dalam usaha untuk membentuk sekolah selamat. Data dianalisa dengan menggunakan statistik deskriptif iaitu peratus dan min serta statistik inferensi iaitu ujian-t dan Anova. Hasil kajian mendapati bahawa pengurusan sekolah selamat diamalkan secara memuaskan dan sederhana dengan tumpuan paling tinggi diberi ke atas peranan guru besar dalam memastikan keselamatan diri dan

harta benda warganya. Dimensi yang paling kurang diberi tumpuan adalah dimensi penglibatan ibu bapa, komuniti dan agensi-agensi kerajaan. Sementara itu, kajian mendapati halangan-halangan kepada pengurusan sekolah selamat yang perlu diberi perhatian adalah ancaman murid-murid dan sumber kewangan dalam menjayakan program sekolah selamat. Hasil kajian turut mendapati tiada perbezaan yang signifikan di antara aspek-aspek pengurusan sekolah selamat daripada segi lokasi sekolah dan jenis sekolah serta status responden. Cadangan untuk peningkatan pengurusan sekolah selamat juga dikemukakan dan kajian secara mendalam mengenai keberkesanan pelaksanaan dimensi pengurusan sekolah selamat di negara ini turut dibincangkan.

Pengenalan

Dalam era kepesatan pembangunan sosio ekonomi, masalah kemalangan dan jenayah di sekolah terus menjadi isu yang sering diperkatakan dalam pelbagai media massa. Isu keselamatan menjadi perhatian kerana soal keselamatan adalah petunjuk kepada kualiti hidup serta menjadi salah satu keperluan asas manusia yang tidak wajar diabaikan. Kebimbangan terhadap soal keselamatan sama ada daripada segi risiko tinggi kemalangan dan kecederaan serta anasir jenayah lebih meruncing apabila situasi ini melibatkan golongan kanak-kanak dan remaja sekolah yang masih belum matang. Marinal Hussain (1998) melaporkan terdapat 45, 045 murid sekolah rendah di Malaysia terlibat dalam pelbagai salah laku. Sementara itu, kecederaan yang paling banyak berlaku di sekolah ialah di gelanggang permainan, padang dan kelas serta gimnasium (Carole Raymond, 1999). Seterusnya, didapati purata 2 daripada 30 orang murid sekolah di United Kingdom mati atau cedera akibat kemalangan jalan raya (Aucott, 1998).

Ekoran timbulnya pelbagai insiden dalam senario pendidikan masa kini maka pihak Kementerian Pelajaran sentiasa berusaha memastikan keselamatan sekolah sentiasa terpelihara. Program Sekolah Selamat mula dilancarkan pada tahun 2002 dan dilaksanakan di 20% buah sekolah rendah dan sekolah menengah di Malaysia. Pada tahun 2003 semua sekolah dikehendaki melaksanakan sepenuhnya Program Sekolah Selamat. Berdasarkan

Pekeliling Ikhtisas Bil.KP(BS/HEP)8591/Jil.XN11(4) bertarikh 14 Jun 2002, pelaksanaan Program Sekolah Selamat wajar diberi perhatian dan dijadikan budaya kehidupan seharian khususnya bagi membolehkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta kokurikulum dapat dijalankan dengan berkesan tanpa gangguan mana-mana pihak. Selain itu, perbezaan budaya dan nilai setiap individu atau kumpulan dapat dihargai oleh semua pihak.

Kepentingan aspek-aspek keselamatan wajar diberi perhatian serius kerana soal keselamatan turut menjadi salah satu keutamaan tertinggi dalam kehidupan sebagaimana yang dinyatakan oleh Maslow dalam Teori Hierarki Keperluan Manusia. Dalam hubungan ini, Kementerian Pelajaran (2006), melaporkan bahawa kecemerlangan organisasi pendidikan dalam aspek keselamatan turut menjadi salah satu penyumbang ke arah memenuhi matlamat pendidikan dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9) iaitu ke arah menjana modal insan berminda *first class*.

Utusan Malaysia, Rabu 17 Januari 2007, turut memperkatakan kerangka Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 (PIPP) ke arah memperkasakan sekolah rendah. Sekolah perkasa yang berbudaya cemerlang akan diwujudkan dengan membangunkan iklim sekolah yang kondusif dan selamat. Pembangunan di sekolah rendah wajar diutamakan memandangkan kedudukannya sebagai tapak atau asas untuk menyemai serta memupuk pembangunan diri murid-murid secara menyeluruh dan berupaya memenuhi kehendak Misi Nasional dan Wawasan 2020. Bagi memenuhi hasrat tersebut maka melalui PIPP 2006 – 2010 diharapkan usaha ke arah menyediakan infrastruktur atau kemudahan asas yang mencukupi dan berkualiti dengan pelbagai kelengkapan selain menaiktaraf sekolah lama dan kurang selamat akan menjadi suatu kenyataan.

Melalui kajian ini, diharapkan dapat memberi sumbangan bermakna khususnya dalam memberikan pengetahuan baru dan kesedaran berterusan kepada setiap warga sekolah mengenai kepentingan program sekolah selamat. Seterusnya, diharapkan melalui pelbagai kajian mendalam, persekitaran pembelajaran yang selamat dan kondusif akan dapat diperkukuhkan serta mampu memberi peluang kepada warga sekolah untuk beroleh keyakinan dan jaminan keselamatan.

Pernyataan Masalah

Banyak laporan yang menyatakan terdapatnya murid-murid yang cedera, diculik malah yang meninggal dunia akibat kurangnya keprihatinan pihak sekolah terhadap aspek keselamatan. Fenomena ini dilihat lebih ketara berlaku sekiranya masih terdapat sekolah-sekolah yang memiliki persekitaran yang kurang selamat. Pihak sekolah juga didapati kurang kesedaran dan kefahaman konseptual mengenai konsep pengurusan keselamatan serta peraturan yang sewajarnya dilakukan. Sehubungan itu, isu keselamatan yang dilihat masih baru serta kurangnya kajian berkaitan sekolah selamat menyebabkan sekolah tiada tempat rujukan secara ilmiah dan sistematik. Bagi mereka tanggungjawab yang lebih penting dan wajar diutamakan ialah memastikan pencapaian akademik sekolah terus cemerlang. Pelaksanaan manual sekolah selamat masih baru dan keadaan ini menyebabkan pengetahuan dan kefahaman pihak sekolah terhadap dasar dan pendekatan pengurusan polisi dan peraturan sekolah selamat masih kurang atau belum mencukupi. Keadaan ini dilihat lebih ketara dari segi pengetahuan perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan melaksanakan penilaian atau sistem piawaian terhadap keberkesanan pengurusan keselamatan sekolah. Keadaan ini akan lebih membimbangkan jika masih terdapat sekolah yang kurang mengutamakan pengurusan sekolah selamat dan jarang dijadikan asas pertimbangan.

Ibu bapa masa kini semakin berani dan sanggup mengambil tindakan mahkamah terhadap guru-guru dan pentadbir sekolah. Tindakan mahkamah diambil oleh ibu bapa terutamanya apabila berlaku kecuaiian sehingga mengakibatkan berlakunya kemalangan atau kecederaan kepada murid-murid. Dalam masa yang sama, kenyataan media yang dilihat lebih banyak memihak kepada masyarakat berbanding warga pendidik turut menyebabkan masyarakat terkeliru dan terus menghukum pengurusan sekolah. Dalam hubungan ini, kurangnya pengetahuan dan kefahaman guru-guru khususnya berkaitan soal perundangan seharusnya diatasi agar mereka lebih bersedia dan berhati-hati dalam sebarang tindakan. Seterusnya, pihak sekolah perlu sedar bahawa pembentukan sekolah yang selamat dan kondusif turut dipengaruhi oleh pelbagai faktor antaranya termasuklah pengaruh di luar persekitaran sekolah. Dalam hubungan ini, terdapat sebahagian

murid sekolah yang berlatarbelakangkan kepada keluarga yang bermasalah sehingga mencorakkan suasana sekolah menjadi kurang selamat. Keadaan ini turut menyumbang kepada berlakunya pelanggaran pelbagai gejala negatif dan salah laku seperti vandalisma, buli, ponteng, dan ugut dalam kalangan murid-murid sekolah rendah sehingga membimbangkan masyarakat dan negara.

Objektif Kajian

Objektif umum bagi kajian ini adalah bertujuan untuk meneliti pandangan guru-guru terhadap pengurusan sekolah selamat yang telah dilaksanakan berdasarkan kehendak Buku Konsep dan Manual Sekolah Selamat (2002), Bahagian Sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia. Manakala objektif khusus kajian ini ialah untuk:

- (i) Mengenal pasti aspek-aspek pengurusan sekolah selamat yang diberi tumpuan oleh sekolah-sekolah rendah di Daerah Hilir Perak.
- (ii) Mengenal pasti halangan-halangan yang dihadapi oleh pihak pengurusan sekolah dalam melaksanakan program sekolah selamat.
- (iii) Mengkaji sejauh mana penglibatan ibu bapa dan komuniti serta agensi-agensi kerajaan dalam membantu menjayakan program sekolah selamat.
- (iv) Mengenal pasti perbezaan aspek-aspek pengurusan sekolah selamat yang diberi tumpuan pihak sekolah mengikut lokasi sekolah jenis sekolah dan status kumpulan responden.

Hipotesis Kajian

Objektif (i), (ii) dan (iii) akan dihuraikan secara deskriptif dan tidak mempunyai hipotesis kajian. Objektif yang (iv) akan dikaji berdasarkan hipotesis berikut:

- Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara aspek-aspek pengurusan sekolah selamat yang diberi tumpuan mengikut lokasi sekolah sama ada di bandar atau di luar bandar.
- Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara aspek-aspek pengurusan sekolah selamat yang diberi tumpuan mengikut jenis sekolah.
- Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara aspek-aspek pengurusan sekolah selamat yang diberi keutamaan mengikut status kumpulan responden antara guru-guru dan murid-murid.

Sorotan Kajian

Sorotan kajian ini menjurus kepada konsep sekolah selamat serta pelbagai dimensi pengurusan sekolah selamat. Ramai penyelidik mendapati bahawa pengurusan sekolah selamat yang cemerlang akan memberi kesan terhadap pembentukan persekitaran pembelajaran yang selamat dan kondusif. Sekolah selamat adalah suatu persekitaran atau keadaan yang membolehkan warga sekolah menjalankan aktiviti harian atau lain-lain aktiviti yang ada kaitan di sekolah secara teratur dengan selamat, harmoni, tidak berisiko, tanpa gangguan dan bebas kemalangan (Ismail Abd. Karim, 2003). Warga sekolah yang wajar dilindungi adalah termasuk guru, murid, kakitangan sokongan dan pentadbir ([http://www.wikipedia.org/wiki/Program Sekolah Selamat](http://www.wikipedia.org/wiki/Program_Sekolah_Selamat)).

Berdasarkan Buku Panduan Konsep dan Manual Sekolah Selamat yang disediakan oleh Bahagian Sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia (2002) menjelaskan konsep sekolah selamat sebagai segala usaha meningkatkan keselamatan sekolah agar dapat berperanan dengan berkesan sebagai tempat mendidik serta menimba ilmu tanpa sebarang gangguan fizikal, mental, emosi dan teknikal. Sehubungan itu, semua sekolah di Malaysia diminta memastikan manual keselamatan dapat disediakan iaitu yang merangkumi keselamatan dalam pelbagai aktiviti murid seperti pergi dan balik sekolah, kegiatan kokurikulum dan sukan, dan aktiviti luar sekolah, keselamatan sewaktu berlakunya bencana alam,

keselamatan fizikal dan bangunan sekolah, keselamatan dalam bidang sosial serta keselamatan persekitaran dan lokasi sekolah.

Asmawi Abdul Kadir (2002) menjelaskan pengurusan sekolah selamat yang berkesan seharusnya berkemampuan memperincikan tatacara bertindak khususnya apabila seseorang murid itu menghadapi sesuatu isu atau situasi yang boleh menjejaskan keselamatan diri mereka. Sekolah seharusnya bijak merangka program sekolah selamat agar dapat disesuaikan dengan kemahiran, minat dan sumber yang ada. Perancangan dalam membentuk dan membaca strategi untuk mengatasi isu keselamatan seharusnya dirancang oleh Jawatankuasa Sekolah Selamat.

Seterusnya, pemantauan bagi setiap tata cara atau prosedur dalam menangani sesuatu isu atau krisis seharusnya dijalankan secara berterusan. Pemantauan berterusan ini dilihat amat penting khususnya bagi memastikan setiap tindakan susulan yang diambil benar-benar berkesan. Seterusnya, penilaian yang dilakukan akan dapat membantu sekolah menilai sejauh mana sekolah telah mengambil tindakan dengan memeriksa usaha-usaha yang telah dilakukan untuk mencapai matlamat (Carole Raymond ,1999).

Metodologi Kajian

Rekabentuk Kajian

Kaedah Penyelidikan Tinjauan digunakan untuk melihat keadaan pengurusan keselamatan di beberapa buah sekolah rendah di Daerah Hilir Perak. Kajian kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan digunakan untuk mengkaji status pengurusan keselamatan sekolah rendah. Menurut Khalid Johari (2004), selain memudahkan penyelidik mendapatkan dapatan responden yang ramai, rekabentuk penyelidikan tinjauan juga sangat membantu penyelidik berbanding dengan penggunaan kaedah bancian yang memerlukan kos pengendalian yang sangat tinggi.

Persampelan

Jenis persampelan yang digunakan dalam kajian ini ialah persampelan secara rawak. Persampelan secara rawak yang besar boleh memastikan sampel yang dipilih mewakili populasi yang dikaji. Kaedah persampelan ini juga dapat memastikan bahawa setiap individu yang ada dalam populasi mempunyai peluang yang sama untuk terpilih sebagai sampel (Ahmad Marzuki Mohamad, 1995 dalam Easterby-Smith, Thope dan Lowe, 1991).

Seramai 60 orang guru dipilih dari tiga puluh (30) buah Sekolah Rendah di Daerah Hilir Perak, Perak Darul Ridzuan secara sukarela. Guru-guru yang dipilih merupakan Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (GPK HEM) atau pihak pentadbir lain seperti Guru Besar atau Guru Penolong Kanan Pentadbiran (GPK 1) dan Guru Disiplin yang dilihat bertanggungjawab secara langsung dan lebih dekat dengan soal pengurusan keselamatan sesebuah sekolah. Selain itu bagi mengelakkan *bias* maka seramai 150 murid-murid Tahun Enam turut dipilih sebagai responden. Pecahan sampel Sekolah Rendah difokuskan kepada satu (1) kumpulan sasaran iaitu Sekolah Rendah di Daerah Hilir Perak. Persampelan dibahagikan kepada dua (2) kawasan utama iaitu Bandar dan Luar Bandar. Pemilihan sampel sekolah adalah berdasarkan status responden sebagai Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid atau Kumpulan Pentadbir lain, guru disiplin dan murid-murid Tahun Enam. Jenis sekolah rendah yang terlibat bagi kumpulan persampelan berkenaan adalah sebanyak tiga (3) jenis iaitu sekolah kebangsaan, sekolah rendah jenis kebangsaan cina dan sekolah rendah jenis kebangsaan tamil.

Jadual 1
Pecahan Bilangan Sekolah Mengikut Jenis Sekolah dan Lokasi
Sekolah yang dipilih di Daerah Hilir Perak

Lokasi	Sek. Kebangsaan	Sek. Ren. Jenis Keb. Cina	Sek. Ren. Jenis Keb. Tamil	Jumlah
Bandar	05	02	02	09
Luar Bandar	15	03	03	21
Jumlah	20	05	05	30

Pecahan bilangan responden yang dipilih mengikut status responden adalah:

1. Pentadbir Sekolah	-	PK(HEM) = 1 orang X 15 buah sekolah	= 15 orang
		Lain-lain = 1 orang X 15 buah sekolah	= 15 orang
		Jumlah Responden	= 30 orang
2. Guru Sekolah	-	Guru Disiplin = 1 orang X 30 buah sekolah	= 30 orang
		Jumlah Responden	= 30 orang
3. Murid	-	Tahun Enam = 5 orang X 30 buah sekolah	= 150 orang
		Jumlah Responden	= 150 orang
		Jumlah Keseluruhan Responden ialah 60 + 150	= 210 orang

Instrumen Kajian

Data dapatan diperoleh melalui kaedah soal selidik yang mengandungi item-item soalan tentang pengurusan sekolah selamat di tiga puluh (30) buah sekolah rendah di daerah Hilir Perak, Perak Darul Ridzuan. Teknik soal selidik yang digunakan merupakan antara alat pengumpulan data yang banyak digunapakai oleh ramai penyelidik. Soal selidik berupaya mengumpul data secara terperinci dan tersusun. Alat ukur ini mudah ditadbir selain menjimatkan tenaga, masa, minda dan wang penyelidik pada masa proses pengumpulan data berlangsung (Khalid Johari, 2005). Soal selidik yang akan digunakan dalam

kajian ini adalah berpandukan kepada Instrumen Penilaian Kendiri Pelaksanaan Program Sekolah Selamat, Kementerian Pelajaran Malaysia yang dibentangkan oleh Prof Madya Dr. Sufean Hussin pada 16 September 2002 (dalam kajian Salwani Mohd Zaini, 2003) .

Satu set soal selidik yang terbahagi kepada dua bahagian, iaitu:

- (i) Bahagian A yang mengandungi maklumat umum tentang cara pentadbir, guru dan murid-murid yang dipilih sebagai sampel kajian.

Bahagian B yang mengandungi item-item mengenai aspek-aspek pengurusan sekolah selamat di sekolah rendah mengikut dimensi tertentu , iaitu:

- (i) Peranan Guru Besar dalam memastikan keselamatan diri dan harta benda warganya,
- (ii) Peranan sekolah dalam memastikan persekitaran yang selamat dan kondusif,
- (iii) Penglibatan ibu bapa, komuniti serta agensi-agensi kerajaan, dan
- (iv) Halangan-halangan dalam membangunkan pengurusan sekolah selamat.

Skala Likert digunakan untuk mengesan keadaan pengurusan keselamatan sekolah rendah.

1. sangat tidak memuaskan (STM)
2. kurang memuaskan (KM)
3. memuaskan (M)
4. sangat memuaskan (SM)

Kajian Rintis

Kajian Rintis telah dijalankan dalam minggu pertama dan kedua bulan Mac 2007. Jumlah responden bagi kajian rintis ialah 30 orang. Kajian rintis telah dilakukan ke atas dua orang GPK HEM, seorang (GPK 1) tiga orang Guru Disiplin dan 21 orang murid Tahun Enam dari tiga buah sekolah rendah di Daerah Hilir Perak yang dipilih secara rawak. Sekolah tersebut ialah SK Selekoh, SJKC Hwa Nan Selekoh dan SK Sg Sumun. Item-item dalam soal selidik ini adalah untuk mengesan aspek-aspek pengurusan keselamatan yang dilaksanakan di sekolah rendah. Kebolehpercayaan keseluruhan bagi item soal-selidik kajian ini ialah 0.729 atau 0.73. Keseluruhan skala multi-item yang terdapat dalam soal selidik kajian ini berada pada tahap kebolehpercayaan yang sederhana tinggi.

Kaedah Pengumpulan Data

Sebelum mengumpul data, penyelidik telah mendapatkan kelulusan Bahagian Perancangan Penyelidikan Pendidikan (EPRD), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Jabatan Pelajaran Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan guru besar dari 30 buah sekolah berkaitan. Setelah kelulusan diterima, borang soal selidik diedarkan secara bersemuka. Surat iringan digunakan bagi menerangkan tujuan dan meminta bantuan guru besar untuk menyerahkan borang soal selidik tersebut kepada guru-guru yang terbabit sebagai responden. Selepas dua minggu borang soal selidik diedarkan, penyelidik telah mengambil sendiri borang yang telah diisi.

Kaedah Analisa Data

Data soal selidik diproses melalui program *Statistical Package For Social Science (SPSS)* versi 15.0. Semua ujian statistik adalah dijalankan pada aras keertian $p = 0.05$. Jika nilai $p < 0.05$ perbezaan adalah signifikan, tetapi jika nilai $p > 0.05$, ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang signifikan. Statistik deskriptif yang digunakan ialah peratusan dan min. Statistik inferensi turut digunakan dalam kajian ini bagi membuat generalisasi keseluruhan dapatan kajian. Dalam kajian ini, Ujian t dan Anova digunakan

untuk melihat sama ada faktor demografi seperti jenis sekolah, lokasi sekolah dan status responden mempunyai pengaruh terhadap aspek-aspek pengurusan keselamatan yang diberi tumpuan di sekolah.

Dapatan Kajian

Sebanyak 210 set soal selidik telah diedarkan dalam kajian ini. Hanya 198 set dipulangkan dan ini menjadikan kadar pulangan sebanyak 94.3%. Berdasarkan Jadual 1 didapati responden kajian ini terdiri daripada 84 orang lelaki yang meliputi 42.4% dan 114 orang perempuan yang meliputi 57.6%. Kajian ini melibatkan murid Tahun Enam yang berumur 12 tahun dari sekolah-sekolah rendah Daerah Hilir Perak. Umur guru pula mempunyai taburan yang hampir sekata di mana 32.76% daripada mereka yang berumur 31-40 tahun, 27.59% guru yang berumur 41-50 tahun, 22.41% guru yang berumur 25-30 tahun dan selebihnya 17.24% guru yang berumur 50 tahun ke atas. Berdasarkan bangsa pula menunjukkan sebahagian besar responden adalah berbangsa Melayu 63.13%, 19.7% adalah responden daripada bangsa India dan baki 17.17% lagi adalah responden berbangsa Cina.

Jadual 1
Demografi Responden

Pembolehubah	Kekerapan	Peratus
Jantina ^a	^a	^a
Lelaki	84	42.42
Perempuan	114	57.58
Umur Murid ^a	^a	
12 tahun	142	100
Umur Guru ^a	^a	^a
25-30 tahun	13	22.41
31-40 tahun	19	32.76
41-50 tahun	16	27.59
50 tahun ke atas	10	17.24

Bangsa ^a	a	a
Melayu	125	63.13
Cina	34	17.17
India	39	19.70
Jawatan Semasa Murid di Sekolah		
Pengawas	100	70.42
Pengawas Perpustakaan	22	15.49
AJK Unit Kokurikulum	20	14.08
Jawatan Semasa Guru di Sekolah		
Guru Besar	3	5.26
Penolong Kanan Pentadbiran @		
Guru Kanan Pentadbiran	3	5.26
Penolong Kanan HEM @ Guru		
Kanan HEM	26	45.61
Guru Disiplin	25	43.86

Jadual 2
Profil Sekolah

Pembolehubah	Kekerapan	Peratus
Lokasi Sekolah		
Luar bandar	154	77.78 +
Bandar	44	22.22
Jenis Sekolah		
SK	129	65.15
SJK Cina	35	17.68
SJK Tamil	34	17.17

Rata-rata responden yang terlibat dalam kajian ini adalah mereka yang memegang jawatan sebagai Pengawas Sekolah (70.42%) manakala selebihnya adalah responden yang memegang jawatan sebagai Pengawas Perpustakaan (15.4%) dan AJK Unit Kokurikulum (14.08%). Bagi guru pula rata-rata yang terlibat dalam kajian ini adalah GPK HEM atau Guru Kanan HEM (45.61%) dan guru disiplin (43.86%). Selebihnya, responden yang terlibat dalam kajian ini adalah bagi guru yang memegang jawatan sebagai Guru Besar dan GPK1 atau Guru Kanan Pentadbiran yang masing-masing diwakili oleh tiga orang (5.26%). Sementara itu,

berdasarkan Jadual 2 : Profil Sekolah , kajian ini melibatkan 154 responden daripada 21 buah sekolah luar bandar (77.78%) dan 44 responden daripada 9 buah sekolah bandar (22.22%). Majoriti sekolah rendah yang terlibat dalam kajian ini adalah dari Sekolah Kebangsaan (65.15%). Namun begitu wujud taburan yang hampir sama dari Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (17.68%) dan juga Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (17.17%) yang terlibat di dalam kajian ini.

Aspek-aspek Pengurusan Sekolah Selamat yang diberi tumpuan

Jadual 3 menunjukkan min skor bagi tiga dimensi aspek-aspek pengurusan sekolah selamat. Hasil tinjauan berkenaan mendapati kesemua aspek pengurusan sekolah selamat tersebut dilaksanakan oleh sekolah-sekolah rendah di Daerah Hilir Perak. Namun, tidak semua dimensi tersebut diberi tumpuan yang seimbang atau setara.

Bagi dimensi Peranan Pengurusan Sekolah Dalam Menjaga Keselamatan Diri dan Harta Benda Warganya skor min keseluruhan berada pada tahap yang memuaskan dan agak tinggi (Min 3.16). Data menunjukkan, aspek yang paling tinggi diberi tumpuan di bawah dimensi pertama ini ialah aspek tindakan susulan (Min 3.31) diikuti aspek-aspek pendidikan pencegahan (Min 3.26) dan keadaan yang menggugat keselamatan (Min 3.22). Aspek yang paling kurang diberi tumpuan ialah penyeliaan infrastruktur (Min 2.79) diikuti peralatan sekolah (Min 3.11).

Jadual 3

Skor Min Mengikut Dimensi Aspek-Pengurusan Sekolah Selamat

Dimensi	Min	SP
Peranan Pengurusan Sekolah dalam Menjaga Keselamatan Diri dan Harta Benda Warganya		
Tatacara Pelaksanaan	3.15	0.41

Pendidikan Pencegahan	3.26	0.42
Peralatan Sekolah	3.11	0.41
Keadaan yang mengugat keselamatan	3.22	0.38
Tindakan Susulan	3.31	0.44
Penyeliaan Infrastruktur	2.79	0.60
Min Skor Keseluruhan	3.16	0.33

**Peranan Sekolah dalam Membentuk Persekitaran
Selamat dan kondusif**

Keadaan Infrastruktur	3.06	0.39
Keadaan Alatan	3.23	0.51
Penjagaan Bilik Khas dan Taman	2.96	0.40
Min Skor Keseluruhan	3.03	0.36

**Penglibatan Ibu Bapa dan Komuniti dalam
Program Sekolah Selamat**

Memaklumkan Sebarang Program	2.95	0.49
Melibatkan Ibu Bapa dan Komuniti	2.63	0.68
Kerjasama dengan Ibu Bapa dan Komuniti serta Agensi Tertentu	3.01	0.53
Skor Min Keseluruhan	2.87	0.42

Berdasarkan data dimensi Peranan Sekolah Dalam Membentuk Persekitaran Selamat dan Kondusif skor min keseluruhan berada pada tahap yang memuaskan (Min 3.03). Tinjauan mendapati aspek yang diberi tumpuan paling tinggi di bawah dimensi kedua ini ialah aspek keadaan alatan (Min 3.26), diikuti aspek keadaan infrastruktur (Min 3.06). Aspek yang paling kurang diberi tumpuan ialah penjagaan bilik-bilik khas dan taman (Min 2.96).

Penglibatan Ibu Bapa dan Komuniti Dalam Program Sekolah Selamat adalah memuaskan tetapi berada pada tahap yang agak sederhana (Min 2.87). Aspek yang paling tinggi diberi tumpuan bagi dimensi tersebut ialah aspek kerjasama ibu bapa dan komuniti serta agensi tertentu (Min 3.01). Aspek-aspek yang paling rendah diberi tumpuan ialah melibatkan ibu bapa dan komuniti (Min 2.63) diikuti dengan aspek memaklumkan sebarang program (Min 2.95). Secara keseluruhannya, skor min tertinggi ialah bagi

dimensi Peranan Pengurusan Sekolah Dalam Menjaga Keselamatan Diri dan Harta Benda Warganya (Min 3.16) dan dimensi skor min terendah ialah Penglibatan Ibu Bapa dan Komuniti Dalam Program Sekolah Selamat (Min 2.87).

Halangan-halangan yang Dihadapi Oleh Pihak Pengurusan Sekolah Dalam Melaksanakan Pengurusan Sekolah Selamat

Jadual 4 menunjukkan bahawa skor min terhadap halangan dalam melaksanakan program sekolah selamat. Rata-rata tahap kepuasan terhadap pelaksanaan program sekolah selamat berada pada tahap yang memuaskan dan agak tinggi. Hasil analisis deskriptif berkenaan mendapati tidak wujud halangan yang besar dalam melaksanakan sekolah selamat.

Jadual 4

Skor min bagi halangan-halangan yang dihadapi oleh pihak pengurusan sekolah dalam melaksanakan program sekolah selamat

Aspek Halangan-Halangan Pengurusan Sekolah Selamat	Min	SP
Kerjasama Guru	3.49	0.57
Kerjasama Daripada PIBG	3.34	0.61
Kerjasama Murid	3.32	0.57
Kerjasama Pentadbir	3.28	0.66
Borang yang Perlu Diisi Mudah Difahami dan Dilengkapi	3.23	0.62
Pengetahuan Berkaitan Peraturan dan Undang-undang Sekolah	3.23	0.62
Tatacara Pengurusan Sekolah	3.21	0.57
Jaminan Perlindungan Daripada Pihak Pentadbir	3.15	0.64
Masa yang Diberikan Untuk Mengatasi Masalah	3.08	0.59
Kerjasama Seperti Polis, Bomba dan Jabatan Kesihatan	3.08	0.65
Pendedahan Tentang Prosedur Menangani Masalah Atau Krisis	3.07	0.68
Bebanan Tugas dan Tanggungjawab	3.02	0.60
Peruntukan Kewangan Bagi Melaksanakan Program		
Keselamatan di Sekolah	2.93	0.66
Ancaman Atau Ugutan Daripada Murid-murid	2.81	0.81
Skor Min Keseluruhan	3.16	0.33

Kerjasama Guru (Min = 3.49) merupakan aspek yang berada pada tahap paling tinggi diikuti dengan Kerjasama PIBG (Min = 3.34) dan Kerjasama Murid (Min = 3.32). Aspek-aspek yang berada pada tahap yang paling rendah ialah Ancaman Atau Ugutan Daripada Murid-murid (Min = 2.81) diikuti dengan aspek Peruntukan Kewangan bagi Melaksanakan Program Keselamatan di Sekolah (Min = 2.93)

Penglibatan Ibu Bapa dan Komuniti Serta Agensi-agensi Kerajaan Dalam Menjayakan Program Sekolah Selamat

Jadual 5 menunjukkan skor min bagi melihat Penglibatan Ibu Bapa dan Komuniti Dalam Program Sekolah Selamat. Hasil tinjauan berkenaan mendapati rata-rata penglibatan ibu bapa dan komuniti dalam program sekolah selamat berada pada tahap yang memuaskan dan agak sederhana. Skor Min tertinggi ialah bagi aspek Membuat Tinjauan dan Perbincangan Dengan Ibu Bapa Mengenai Tingkah Laku dan masalah murid-murid (Min = 3.20) diikuti dengan aspek-aspek Bekerjasama Dengan Agensi Seperti Polis, Bomba dan Pusat Kesihatan Untuk Keperluan Semasa Kecemasan (Min = 3.09) dan Memaklumkan Program Sekolah Selamat Melalui Surat Pekeliling (Min = 3.06).

Jadual 5

Skor Min penglibatan ibu bapa dan komuniti serta agensi-agensi kerajaan dalam menjayakan program sekolah selamat

Aspek Penglibatan Ibu Bapa dan Komuniti serta Agensi-Agensi Kerajaan dalam menjayakan Program Sekolah Selamat	Min	SP
Membuat Tinjauan dan Mengadakan Perbincangan Dengan Ibu Bapa Mengenai Tingkah Laku dan Masalah Murid-murid	3.20	0.64
Bekerjasama Dengan Agensi Seperti Polis, Bomba dan Pusat Kesihatan Untuk Keperluan Kecemasan	3.09	0.61
Memaklumkan Program Sekolah Selamat Melalui Surat Pekeliling	3.06	0.62
Melibatkan Warga Sekolah Dalam Program yang Dianjurkan Oleh Agensi Seperti Polis, Bomba dan Pusat Kesihatan.	2.92	0.70

Melibatkan Ibu Napa dan Komuniti Dalam Program Keceriaan dan Kebersihan Sekolah	2.85	0.72
Mengadakan Seminar Atau Bengkel Berkaitan Program Keselamatan Sekolah Kepada Ibu Bapa dan Komuniti	2.59	0.81
Melibatkan Ibu Napa dan Komuniti Dalam Menjalankan Rondaan Keselamatan dan Pengawasan Sekolah	2.40	0.83
Min Skor Keseluruhan	2.87	0.42

Skor Min paling rendah serta kurang memuaskan bagi dimensi ini ialah aspek Melibatkan Ibu Bapa dan Komuniti Dalam Menjalankan Rondaan Keselamatan dan Pengawasan Sekolah (Min = 2.40). Tinjauan turut mendapati aspek Mengadakan Seminar Atau Bengkel Berkaitan Program Keselamatan Sekolah Kepada Ibu Bapa dan Komuniti (Min = 2.59), Melibatkan Ibu Bapa dan Komuniti Dalam Program Keceriaan dan Kebersihan Sekolah (Min = 2.85), Melibatkan Warga Sekolah Dalam Program yang Dianjurkan Oleh Agensi Seperti Polis, Bomba dan Pusat Kesihatan (Min = 2.92) berada pada tahap agak sederhana dan memuaskan.

Analisis Inferensi

Statistik Inferensi telah dijalankan ke atas tiga Hipotesis.

Hipotesis 1

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan mengenai aspek-aspek pengurusan sekolah selamat yang diberi tumpuan mengikut lokasi sekolah sama ada di bandar atau luar bandar.

Jadual 6 menunjukkan hasil ujian t bagi melihat perbezaan antara amalan-amalan pengurusan sekolah selamat yang diberi keutamaan mengikut lokasi sekolah sama ada di bandar atau luar bandar. Hasil analisis berkenaan mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara amalan-amalan pengurusan sekolah selamat yang diberi keutamaan mengikut lokasi sekolah sama ada di bandar atau luar bandar ($t = -0.56, p > 0.05$).

Jadual 6
Aspek-aspek keselamatan yang diberi keutamaan mengikut lokasi sekolah sama ada di bandar atau luar bandar

Kawasan	N	Min	SP	t	p
Bandar	154	3.09	0.30	-0.56	0.6
Luar bandar	44	3.12	0.28	^a	^a

Min bagi responden luar bandar adalah 3.09 manakala min bagi responden dari kawasan bandar adalah 3.12. Ini secara langsung menerima hipotesis kajian iaitu tidak terdapat perbezaan aspek-aspek pengurusan sekolah selamat yang diberi keutamaan mengikut lokasi sekolah sama ada di bandar atau luar bandar.

Hipotesis 2

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan mengenai amalan-amalan pengurusan sekolah selamat yang diberi keutamaan mengikut jenis sekolah.

Jadual 7 pula menunjukkan hasil ujian Anova satu hala antara aspek-aspek pengurusan sekolah selamat yang diberi keutamaan mengikut jenis sekolah.

Jadual 7
Aspek-aspek keselamatan yang diberi keutamaan mengikut jenis sekolah

Pemboleh ubah	Sumber	DK	Min	F	p
Jenis Sekolah	Antara Kumpulan	2	0.18	2.06	0.13
^a	Dalam Kumpulan	195	0.09		

Hasil daripada analisis berkenaan mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara aspek-aspek pengurusan sekolah selamat yang diberi tumpuan mengikut jenis sekolah ($F = 2.06$, $p > 0.05$). Ini menunjukkan bahawa hipotesis kajian iaitu tidak terdapat perbezaan antara aspek-aspek pengurusan sekolah selamat yang diberi tumpuan mengikut jenis sekolah dapat diterima.

Hipotesis 3

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara aspek-aspek pengurusan sekolah selamat yang diberi keutamaan mengikut status kumpulan responden antara guru-guru dan murid.

Jadual 8 menunjukkan hasil ujian t bagi melihat perbezaan antara aspek-aspek keselamatan yang diberi keutamaan mengikut status kumpulan responden antara guru-guru dan murid. Hasil analisis berkenaan mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara amalan-amalan pengurusan sekolah selamat yang diberi keutamaan mengikut status kumpulan responden antara guru-guru dan murid ($t = 0.52$, $p > 0.05$).

Jadual 8

Aspek-aspek keselamatan yang diberi keutamaan mengikut status kumpulan responden antara murid dan guru-guru.

Responden	N	Min	SP	t	p
Murid	142	3.10	0.30	0.52	0.6
Guru	56	3.08	0.28	^a	^a

Min bagi murid adalah 3.10 manakala min bagi guru pula adalah 3.08. Ini secara langsung menerima hipotesis kajian iaitu tidak terdapat perbezaan antara aspek-aspek pengurusan sekolah selamat yang diberi tumpuan mengikut status kumpulan responden antara guru-guru dan murid.

Perbincangan, Rumusan dan Cadangan

Kajian ini adalah satu usaha untuk mencari penjelasan berkenaan dengan pengurusan sekolah selamat di sekolah-sekolah rendah Daerah Hilir Perak. Hasilnya, dapatan kajian ini telah dapat mengenal pasti kehendak persoalan kajian berkenaan. Seterusnya, penyelidik membincangkan hasil kajian yang utama, kaitannya dengan objektif dan hipotesis kajian serta keselarasan dan perbezaan dengan kajian-kajian lampau. Persoalan berkaitan dengan aspek-aspek pengurusan sekolah selamat yang diberi tumpuan oleh kajian ini mendapati semua aspek pengurusan

sekolah selamat di sekolah-sekolah rendah telah dilaksanakan tetapi tidak semuanya diberi tumpuan yang seimbang atau setara.

Di bawah dimensi peranan pengurusan sekolah dalam menjaga keselamatan diri dan harta benda warganya, kajian ini mendapati aspek yang diberi tumpuan paling tinggi ialah tindakan susulan dalam menangani isu-isu keselamatan diikuti dengan pendidikan pencegahan. Sementara aspek yang paling kurang diberi tumpuan ialah penyeliaan infrastruktur. Dapatan ini adalah bertepatan dengan kehendak Bahagian Sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia (2002) dalam Buku Manual Sekolah Selamat yang mahukan pengurusan setiap sekolah memastikan polisi sekolah selamat dapat berjalan dengan berkesan iaitu dengan mewujudkan latihan-latihan yang berteraskan pendidikan keselamatan serta perincian tatacara bertindak. Kenyataan ini turut disokong oleh Kevin Mitchell (2001), iaitu bagi meningkatkan tahap keselamatan, pengurusan sekolah hendaklah memaklumkan peraturan dan menguatkuasakan garis panduan tingkah laku.

Tinjauan ke atas Dimensi Peranan Sekolah Dalam Membentuk Persekitaran Sekolah yang Selamat dan Kondusif mendapati aspek keadaan peralatan dan kelengkapan diikuti keadaan infrastruktur sekolah diberi tumpuan paling tinggi sementara aspek yang paling kurang diberi tumpuan ialah Penjagaan bilik khas dan taman. Dapatan ini juga didapati selaras dengan kenyataan kajian Hasrina Roslaini (2004) iaitu suasana pembelajaran yang selamat dan kondusif akan terbentuk sekiranya pengurusan sekolah sentiasa memastikan keadaan infrastruktur dan peralatan pembelajaran dalam keadaan yang baik dan memuaskan.

Seterusnya, dalam membicarakan penglibatan ibu bapa dan komuniti dalam program sekolah selamat, penyelidik mendapati aspek yang diberi tumpuan paling tinggi ialah bekerjasama dengan ibu bapa dan komuniti serta agensi-agensi tertentu diikuti dengan memaklumkan sebarang program sekolah selamat. Aspek melibatkan ibu bapa dan komuniti dalam program merupakan aspek yang paling kurang diberi tumpuan. Kepentingan penglibatan ibu bapa dan komuniti serta agensi-agensi berkaitan dalam memastikan keberkesanan pengurusan sekolah selamat turut dinyatakan dalam kajian Ismail Abd Karim (2003).

Dalam melaksanakan sesuatu program atau tindakan sudah tentu terdapat pelbagai halangan dan begitu juga bagi pengurusan sekolah selamat. Halangan-halangan yang dikenal pasti dan perlu diberi perhatian adalah ancaman atau ugutan daripada murid-murid diikuti dengan peruntukan kewangan bagi melaksanakan program keselamatan di sekolah, faktor bebanan tugas serta pendedahan prosedur dalam menangani masalah. Dapatan ini bertepatan dengan kajian Aucott (1998) yang mendapati sumber kewangan yang terhad serta kurangnya pengetahuan dan kefahaman mengenai polisi sekolah selamat merupakan antara penghalang pembangunan program keselamatan di sekolah. Sebaliknya, halangan yang dikenal pasti berada pada tahap paling memuaskan dan tidak membimbangkan ialah kerjasama guru, kerjasama PIBG serta kerjasama pihak pentadbir. Dapatan ini dilihat amat penting dalam pembangunan keselamatan sesebuah sekolah kerana menurut Carole Raymond (1999), kecemerlangan tersebut hanya akan dapat dicapai melalui kerjasama semua pihak sama ada pentadbir, guru, ibu bapa atau murid-murid itu sendiri.

Hasil kajian didapati menyokong Hipotesis 1 iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara aspek-aspek pengurusan sekolah selamat yang diberi tumpuan mengikut lokasi sekolah. Hasil analisis kajian ini mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara aspek-aspek pengurusan sekolah selamat yang diberi tumpuan samaada sekolah di bandar atau di luar bandar. Dapatan kajian ini juga menyokong Hipotesis 2 iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan mengenai aspek-aspek pengurusan sekolah selamat yang diberi tumpuan mengikut jenis sesebuah sekolah kajian samaada Sekolah Rendah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina atau Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil.

Satu kemungkinan mengapa hasil kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan antara aspek-aspek pengurusan sekolah selamat yang diberi tumpuan terhadap sekolah di luar bandar dan bandar atau antara jenis sekolah adalah disebabkan usaha dan kesungguhan pihak kementerian dalam merangka pelbagai pelan pembangunan. Usaha pembangunan pendidikan yang dimaksudkan ini jelas terkandung dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK9) dan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP).

Seterusnya, hasil kajian juga didapati menyokong Hipotesis 3 iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara aspek-aspek keselamatan yang diberi tumpuan mengikut status kumpulan responden antara guru-guru dan murid-murid. Dapatan kajian ini agak selari dengan dapatan yang diperolehi melalui kajian Marinah Awang et al. (2003) yang memperlihatkan tiada perbezaan signifikan antara maklum balas guru-guru dan ibu bapa terhadap persepsi keselamatan persekitaran fizikal di beberapa buah sekolah rendah di Mukim Serdang, Kedah. Hanya pembolehubah Tandas sahaja yang memperlihatkan perbezaan signifikan mengikut status responden.

Rumusan

Sebagai rumusan, pengurusan sekolah rendah di Daerah Hilir Perak didapati melaksanakan kesemua aspek pengurusan sekolah selamat namun tidak semuanya diberikan tumpuan yang seimbang atau setara. Secara keseluruhannya, tumpuan yang diberikan dalam melaksanakan aspek-aspek pengurusan sekolah selamat adalah berada pada tahap yang memuaskan. Berdasarkan Dimensi Pengurusan Sekolah Selamat, Peranan Pengurusan Sekolah Rendah Dalam Menjaga Keselamatan Diri dan Harta Benda Warganya berada pada tahap yang memuaskan dan agak tinggi tumpuan yang diberi. Aspek pengurusan yang diberi tumpuan paling tinggi ialah tindakan susulan dalam menangani isu-isu keselamatan diikuti dengan pendidikan pencegahan. Sementara, aspek yang paling kurang diberi tumpuan ialah aspek penyeliaan infrastruktur. Pemantauan yang berterusan dan sistematik amat perlu dilakukan agar dapat memperkasakan pengurusan keselamatan sesebuah sekolah.

Dimensi Peranan Sekolah Dalam Membentuk Persekitaran yang Selamat dan Kondusif juga diberi tumpuan yang agak memuaskan. Aspek yang paling tinggi diberi tumpuan ialah keadaan peralatan dan kelengkapan pembelajaran sementara aspek penjagaan bilik khas dan taman adalah aspek pengurusan yang paling kurang diberi tumpuan. Keadaan ini berlaku kerana secara umumnya pentadbir akan memberi *empowerment* kepada guru-guru yang dilantik untuk mengendalikan tempat-tempat yang tertentu iaitu bersesuaian dengan pengetahuan dan pengalaman yang dimiliki.

Penglibatan ibu bapa dan komuniti serta agensi-agensi kerajaan dalam menjayakan pengurusan sekolah selamat didapati memuaskan namun pada tahap yang agak sederhana. Terdapat beberapa aspek yang kurang memuaskan dan wajar diberi perhatian oleh pihak sekolah. Antaranya, Dimensi Melibatkan Ibu Bapa dan Komuniti Dalam Menjalankan Rondaan Keselamatan dan Pengawasan Sekolah serta Dimensi Mengadakan Seminar Keselamatan Sekolah Buat Ibu Bapa dan Komuniti. Tindakan tertentu wajar dilakukan bagi meningkatkan penglibatan ibu bapa, komuniti dan agensi-agensi berkenaan dalam menjayakan program sekolah selamat.

Halangan-halangan dalam pengurusan sekolah selamat sekolah rendah didapati tidak membimbangkan dan dapat diatasi dengan memuaskan. Terdapat dua halangan yang perlu diatasi secara lebih berkesan iaitu ancaman atau ugutan daripada murid-murid dan peruntukan kewangan bagi menguruskan program sekolah selamat.

Selaras dengan pembangunan negara yang terus cemerlang dan pelbagai tindakan berkesan pihak kementerian serta usia program sekolah selamat yang mencecah lima tahun dilihat telah banyak membantu menjana pengurusan sekolah selamat sekolah rendah di Daerah Hilir Perak berada pada tahap memuaskan. Hanya terdapat beberapa aspek yang berada pada tahap sederhana memuaskan dan mempunyai ruang untuk diperbaiki. Sehubungan itu, pengurusan sekolah sewajarnya berusaha untuk mempertingkatkan pengurusan sekolah selamat agar dapat memenuhi sasaran yang amat memuaskan.

Implikasi

Hasil kajian ini membekalkan beberapa implikasi yang penting untuk pihak pengurusan sekolah rendah dan pihak kerajaan. Implikasi-implikasi yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

- (i) Pengurusan sekolah selamat seharusnya tidak lagi dipandang mudah dan ringan. Setiap warga sekolah wajar memberi perhatian serius dan keutamaan berterusan dalam membentuk persekitaran yang selamat dan kondusif.

- (ii) Pengetahuan dan kesedaran guru-guru terhadap program sekolah selamat seharusnya diperkukuhkan dari semasa ke semasa. Pelbagai program peningkatan ilmu wajar dijalankan sama ada melalui kursus dalaman, ceramah, seminar, bengkel dan program penghayatan agama dan nilai-nilai murni.
- (iii) Jawatankuasa Pengurusan Sekolah Selamat yang berwibawa seharusnya dibentuk bagi meningkatkan tahap keselamatan di sekolah.
- (iv) Jawatankuasa yang dipertanggungjawabkan ini juga seharusnya dapat menyediakan polisi atau peraturan dan prosedur keselamatan bagi semua guru, pelajar dan ibu bapa.
- (v) Pengurusan sekolah juga boleh menyediakan peti maklumat dan talian *hotline* atau SMS bagi membolehkan guru-guru, murid-murid dan ibu bapa memasukkan atau memaklumkan sesuatu maklumat yang berkaitan dengan keselamatan.
- (vi) Tiga peringkat pencegahan boleh dilakukan bagi mengatasi masalah salah laku dalam kalangan murid-murid sekolah. Strategi Pertama atau *Primary Strategies* menjurus kepada didikan untuk semua murid. Strategi Pertengahan memberi tumpuan terhadap murid tertentu yang kemungkinan berisiko terpengaruh dengan sebarang salah laku. Seterusnya, strategi tertinggi adalah langkah pencegahan yang bersifat komprehensif terutamanya untuk murid-murid menghadapi masalah salah laku yang kritikal.
- (vii) Kementerian Pelajaran Malaysia dengan kerjasama Jabatan Pelajaran Negeri dan Pejabat Pelajaran Daerah seharusnya dapat meningkatkan pembangunan sebarang kekurangan atau kemudahan yang diperlukan oleh sesebuah sekolah. Sehubungan itu, Pegawai Khas Pengurusan Sekolah Selamat seharusnya diwujudkan di setiap daerah agar pemantauan berterusan di sekolah dapat dilakukan.

Cadangan Kajian Lanjut

Penyelidik ingin menyarankan cadangan-cadangan kajian lanjut seperti berikut:

- (i) Kajian lanjut perlu dijalankan dengan penggunaan soal selidik berbentuk soalan terbuka, serta kaedah temu bual untuk mendapatkan pandangan dan cadangan secara mendalam daripada guru-guru dan murid-murid.
- (ii) Kajian lanjut perlu diperluaskan ke seluruh daerah di Negeri Perak atau negeri-negeri lain serta dalam jumlah sampel yang lebih besar. Dengan bertambahnya bilangan sampel dan lebih luas kawasan yang dikaji, maka keputusan yang diperoleh lebih bermakna dan mudah untuk digeneralisasikan.
- (iii) Selain itu, kajian lanjut juga boleh melihat hubungan antara aspek-aspek pengurusan sekolah selamat dengan pencapaian sekolah sama ada dalam akademik atau kokurikulum.

Penutup

Kajian yang dijalankan ini secara keseluruhannya telah dapat mengenal pasti pelaksanaan pengurusan sekolah selamat di sekolah rendah. Aspek-aspek pengurusan yang diberi tumpuan lebih dan yang kurang diberi tumpuan dapat dikenal pasti. Selain itu, kajian ini juga dapat mengenal pasti sejauhmana penglibatan ibu bapa, komuniti dan agensi-agensi tertentu dalam menjayakan program sekolah selamat yang didapati sebagai dimensi yang mencapai skor min yang paling kurang diberi tumpuan. Seterusnya, kajian ini turut dapat mengenal pasti halangan-halangan yang dihadapi oleh pengurusan sekolah dalam menjayakan program sekolah selamat. Penyelidik turut mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara aspek-aspek pengurusan yang diberi tumpuan dengan lokasi, jenis sekolah dan status responden. Diharapkan dapatan kajian ini dapat memberi sumbangan bermakna terhadap pembangunan pengurusan sekolah selamat agar berusaha untuk menjana kualiti keselamatan yang lebih memuaskan dan terancang.

Rujukan

- Ahmad Mahdzan Ayob (2005). *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bahagian Sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia (2002). *Buku Konsep dan Manual Sekolah Selamat*. Kuala Lumpur: BSKPM.
- Carole Raymond (1999). *Safety Across Curriculum*. New York. Falmer Press.
- Hasrina Roslaini (2004). *Dasar Pelaksanaan Sekolah Selamat di Beberapa Buah Sekolah Menengah di Kuala Lumpur*. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ismail Abd Karim (2003). *Status dan Amalan Pengurusan Sekolah Selamat Dari Perspektif Kaunselor Pelajar Di 2 Buah Sekolah Menengah di Daerah Pasir Mas Tumpat*. Tesis Sarjana Kepengetuaan yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Khalid Johari (2004). *Penyelidikan Dalam Pendidikan : Konsep dan Prosedur*. Petaling Jaya : Pearson Prentice Hall.
- Mohd Hamizar Hamid (2006). *Tiada Sekolah Sakit RMK-9*. *Berita Harian*, 10. Mei : 10.
- Marinah Awang, Nazirmuddin Ahmad & Mohd Taib Ariffin (2005). *Persepsi Keselamatan Persekitaran fizikal Sekolah : Satu Tinjauan Awal Di Sekolah-Sekolah Rendah Mukim Serdang, Kedah*.
- Omarin Ashaari (2001). *Peranan, Tugas dan Tanggungjawab Guru di Sekolah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributions Sdn Bhd.
- Othman Mohamed, *Program Sekolah Selamat*. [Online]. Available: (2006). [http://ms.wikipedia.org/wiki/Program Sekolah Selamat](http://ms.wikipedia.org/wiki/Program_Sekolah_Selamat). (1 Nov 2006).

Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006 – 2010. (2007, Januari 7).
Utusan Malaysia. 1 – 21 : 7 Januari 2007.

Peter Shern (2006). *Teaching Practice in Safety Education : Qualitative Evidence*. United Kingdom:Salford University, 2006.

Quick Facts Malaysian Educational Statistik (2005). Kementerian Pelajaran Malaysia: Putra Jaya : EPRD KPM, 2005.

Randall Atlas, (2002) *Atlas Safety and Security Design, Inc .Miami, Florida*. Diperolehi pada 19 Ogos 2006 daripada <http://www/cpted.security.com>.

Reuters Berita Harian. *20,000 Murid Dikurung Akibat Ancaman Bunuh*. Berita Harian 17. 21 April 2007.

Salwani Mohd Zaini (2003). *Pengurusan Keselamatan di Beberapa Buah Sekolah Menengah di Daerah Manjung*. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur : Universiti Malaya, 2003.

Sayed Hesham Idris (2006, 23 Jun). *Murid Tercampak Dari Bas*.
Utusan Malaysia 4 : 23 Jun 2006.

Soleil Gregg. *Policy Brief : School-Based Programs To Promote Safety and Civility*.Charleston WV:Appalachia Educational Lab(AEL)

Sue Aucott. *Togerther Safely: Developing A Whole-School Approach To Health And Safety*. [Onlin]. Available : <http://www.Emeraldinsight.com>. (19 Ogos 2006).

Syuhada Choo Abdullah (2006, 25 Julai). *Guru Besar Rasa Terpinggir*.
Berita Harian, 8 : 25 Julai 2006.

Tie Fatt Hee (2004). *Liabiliti Dalam Pengurusan Pendidikan*. Kuala Lumpur : Utusan Publications Sdn. Bhd, 2004.